

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]**

**TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilakah 5G di Pulau Pinang akan dilaksanakan serta diperluaskan ke kawasan industri seperti Zon Perindustrian Perai, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas dan Kawasan Perindustrian Batu Kawan yang memerlukan jaringan komunikasi yang lebih pantas bagi memanfaatkan IR4.0.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan rangkaian 5G di Malaysia telah dipertanggungjawabkan kepada entiti milik Kerajaan sepenuhnya, iaitu Digital Nasional Berhad (DNB) yang merupakan satu syarikat tujuan khas (SPV) di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan.

DNB akan membangunkan rangkaian 5G dan memberikan perkhidmatan 5G secara pukal kepada pengendali perkhidmatan lain. Pendekatan penyedia tunggal ini membolehkan penyedia-penyedia perkhidmatan 4G sedia ada terus menumpukan pelaburan kepada penaiktarafan infrastruktur dan rangkaian 4G dan gentian optik untuk manfaat pengguna. Pendekatan ini juga memastikan bahawa pelaksanaan 5G dapat diawalkan, bermula hujung tahun 2021.

## **SOALAN NO : 25**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan rangkaian 5G akan dijalankan secara berperingkat bermula penghujung 2021 di Putrajaya, Cyberjaya dan Kuala Lumpur. Ia akan diperluaskan ke kawasan lain di seluruh negara, termasuk Pulau Pinang bermula tahun 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, rangkaian komunikasi gentian optik berkelajuan tinggi sehingga 1Gbps di kawasan-kawasan industri seperti Zon Perindustrian Perai, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas dan Kawasan Perindustrian Batu Kawan, telah tersedia untuk menyokong IR4.0 hasil pelaburan syarikat-syarikat telekomunikasi seperti TM dan Time. Selain itu, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia turut bekerjasama melaksanakan projek peluasan rangkaian gentian optik di beberapa kawasan perindustrian terpilih seperti Kawasan Perindustrian Bukit Minyak dan Kawasan Perindustrian Valdor.